

→ MANIFESTO

ASPIRASI PENGUNDI



Banyakkan lagi stesen LRT atau MRT di kawasan baharu. Banyak kawasan baharu dibina jauh dari bandar, selain kekerapan perjalanan pada waktu puncak”

Tarmizi Yusof,
Kakitangan swasta



Kerajaan perlu fokus aspek keselamatan dalam koc wanita, masih ramai lelaki memasuki koc terbabit, terutama warga asing”

Lam Jing Ee,
Pelajar institusi pengajian tinggi



Banyak jalan di Selangor dalam keadaan kurang elok terutama di luar bandar berbanding kawasan bandar seperti Shah Alam”

Muhammad Redza Auzy Azizul,
Graduan

Pembangunan belia sentiasa diutamakan

➔ Kerajaan laksana pelbagai inisiatif tangani isu dihadapi orang muda

Oleh **Meor Riduwan Meor Ahmad**
mriduwan@nstp.com.my

➔ Kuala Lumpur

Majlis Belia Malaysia (MBM) menegaskan pembangunan belia sentiasa menjadi keutamaan kerajaan Barisan Nasional (BN) dan terbukti menerusi peruntukan Bajet 2018 selain pelbagai inisiatif disediakan untuk golongan itu.

Setiausaha Agungnya, Ahmad Saparudin Yusup, berkata sejak meraih mandat berterusan untuk mentadbir negara pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13), BN terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menangani isu dihadapi belia termasuk pendidikan, peluang pekerjaan dan perumahan.

Beliau berkata, bagi memastikan belia dapat memiliki rumah sendiri, kerajaan melancarkan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Skim MyDeposit melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPRT).

Rumah PR1MA

“Rumah PR1MA ini sangat membantu belia yang baru bekerja untuk memiliki rumah sendiri pada harga mampu milik, manakala MyDeposit menyediakan bantuan deposit 10 peratus daripada harga jualan hartanah di bawah RM500,000.

“Bukan semua belia mampu menyediakan deposit ini dan kerajaan amat prihatin apabila sediakan RM25 juta bagi pelaksanaan Skim MyDeposit 2018,” katanya ketika dihubungi wartawan NSTP.

Beliau berkata, komitmen kerajaan kekal apabila beberapa program pendidikan diteruskan meskipun peruntukan kerajaan sedikit berkurangan.

“Saya tertarik mengenai Program CEO@Faculty 2.0 anjuran Kementerian Pengajian Tinggi yang menyatakan ketua pegawai eksekutif (CEO) tempatan dan anta-

rabangsa serta pemain industri terkemuka bersama universiti di Malaysia untuk berkongsi pengetahuan dan pengalaman mereka dengan pelajar dan komuniti universiti.

Rapatkan jurang

“Program ini berkesan merapatkan jurang industri dan akademik serta melahirkan CEO muda memenuhi kehendak industri,” katanya mengulas mengenai usaha dilakukan kerajaan dalam merealisasikan manifesto PRU 2013.

Sementara itu, katanya, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) juga berkesan membantu orang muda atau graduan mengangkur meningkatkan tahap keupayaan diri dengan ilmu, kemahiran dan pengalaman bekerja seterusnya mendapat pekerjaan.

Ahmad Saparudin berkata, MBM dalam pada itu berharap kerajaan menambah peruntukan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang melatih kepemimpinan belia peringkat akar umbi.

“Bagi manifesto akan datang MBM sendiri terbabit dalam perbahasan pada peringkat kementerian dan berkongsi pandangan mengenai perkara yang perlu diberi perhatian oleh kerajaan untuk belia pada masa depan.

“Alhamdulillah KBS (Kementerian Belia dan Sukan) ambil serius apa kita utarakan,” katanya.

Menurutnya, MBM juga berharap inisiatif waktu kerja anjal diberi lebih keutamaan demi kebaikan ibu muda bekerja dan pada masa sama perlu mengasuh anak dan menguruskan rumah tangga.

“Saya juga melihat pada masa depan, soal pembangunan di perumahan belia perlu disediakan sistem pengangkutan awam bersepadu dengan tempat kerja mereka.

“Secara langsung, ia dapat mengatasi masalah kesesakan kenderaan kerana mereka akan memilih untuk menaiki kenderaan awam berbanding memandu kenderaan sendiri,” katanya.

KEJAYAAN KERAJAAN BARISAN NASIONAL (BN)

Memenuhi Aspirasi Belia

- Sediakan tabung latihan dan insentif kepada belia untuk usaha niaga komersial.
Rangkaian Usahawan Muda (YEM) tawar RM416.5 juta nilai pembiayaan. Projek KBS bersama TERAJU melalui INSKEN ini beri peluang usahawan belia perluas rangkaian perniagaan.

RM555 juta dalam Bajet 2018 bagi Program Peningkatan Keusahawanan Bumiputera termasuk RM155 juta untuk pembangunan kapasiti vendor, Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE), Skim Usahawan Permulaan Bumiputera dan Skim Anjakan Usahawan.

TUBE galakkan belia 18-30 tahun ceburi perniagaan dan setiap usahawan berjaya diberi geran RM15,000.

- Lahirkan lebih ramai atlet berprestasi tinggi serantau dan antarabangsa serta promosikan gaya hidup lebih sihat.

Program Podium iaitu persediaan atlet elit bawah ISN sasar pingat emas Olimpik, Tokyo pada 2020, Komanwel 2018 (10 Teratas Di Gold Coast), Sukan Asia di Jakarta 2018 (10 teratas), 10 atlet muncul 6 terbaik dunia dan kecemerlangan sukan berterusan selepas 2020.

Atlet Mohd Azizulhasni Awang dan Cheong Jun Hoong masing-masing raih pingat emas di Kejohanan Berbasikal Trek Dunia, Hong Kong dan terjun 10 meter platform di Kejuaraan Dunia, Budepest, Hungary pada 2017.

Muhammad Ziyad Zolkefli raih pingat emas dan pecahkan rekod dunia lontar peluru lelaki F20 di Kejohanan Olahraga Para Dunia 2017.

Sukan Paralimpik Rio, Brazil 2016, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi raih pingat emas pertama Malaysia acara 100m T36.

- Melahirkan belia yang lebih berdaya tahan menerusi aktiviti kesukarelawan dalam IM4U. IM4U ditubuhkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan pada 2012.

Nampir tiga juta sukarelawan berdaftar, 500 pusat outreach diwujudkan di universiti tempatan dan enam pusat outreach antarabangsa.



Sukan Paralimpik Rio, Brazil 2016, Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi raih pingat emas pertama Malaysia acara 100m T36.

Kerajaan peruntukkan RM1 bilion dalam Bajet 2018 untuk inisiatif FitMalaysia, Hari Sukan Negara, latihan atlet, program akar umbi dan program pembangunan bola sepak negara.

Bina 14 kompleks sukan baharu di seluruh negara dengan kos RM12 juta dan RM20 juta untuk SSBJ tambah baik kemudahannya.

